



Penguat kuasa DBKL menyita barang tukang kasut milik warga asing yang beroperasi tanpa lesen.
(Foto Facebook DBKL)

DBKL siti barang niaga tujuh penjaja warga asing tanpa lesen

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barang niaga tujuh penjaja warga asing yang beroperasi di Jalan Haji Taib, Chow Kit, semalam.

DBKL dalam kenyataan berkata, operasi itu dijalankan dengan kerjasama penguat kuasa.

“Penguat kuasa DBKL terus bertindak siti serta-merta ke

atas empat penjaja ubat dan alatan seks, dua peniaga tukang kasut dan seorang penjaja makanan ringan milik warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen Jalan Haji Taib, Chow Kit.

“Tindakan diambil mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja 2016,” katanya.

DBKL turut memaklumkan

akan terus mengambil tindakan dan pemantauan berkala di sekitar kawasan tumpuan di ibu kota.

“Tindakan berterusan dan pemantauan berkala akan dijalankan sekitar kawasan tumpuan menerusi siri tindakan khas.

“Ini termasuk operasi membabitkan 11 Parlimen di Kuala Lumpur,” katanya.